

THE SPIRITUAL DEVELOPMENT OF THE YOUNG RABBANI GENERATION BASED ON THE SPIRITUALITY OF PROPHET MUHAMMAD SAW: AN INITIAL ANALYSIS

PEMBANGUNAN ROHANI GENERASI MUDA RABBANI BERASASKAN KEROHANIAN NABI MUHAMMAD SAW : SATU ANALISIS AWAL

¹Safiah Abd Razak, ²Siti Nora'Aeshah Zakaria & ³Musfirah Mohamed Mokhtar

¹ Jabatan Dakwah, ² Jabatan Quran dan Sunnah,

& ³ Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstract

The development of Rabbani generation which is an important asset of the country. Due to the influence of Western ideology, Muslim community is exposed to numerous of damages and impairments be it political, religious, social or moral aspect. The young generation are among the main targets of the western influence and civilization. The young generation is the most vulnerable group that is exposed to the challenges brought by the westerns. Over time, Western ideology and lifestyle have eroded the faith, spiritual and identity of the Muslim young generation. This research aims to examine the spiritual development of the Rabbani generation based on the spirituality of Prophet Muhammad (PBUH). This research takes the form of secondary analysis or library research. Finding shows that the spiritual development is an important thrust that need to be fulfilled in order to develop Rabbani generation. The formation of Rabbani young generation will provide the country with the most needed line of leadership. Prophet Muhammad (PBUH) is the best role model in a development designated with a strong faith, praiseworthy moral and possesses a close relationship with Allah S.W.T. Making the Seerah (prophetic biography) of Prophet Muhammad (PBUH) as a guidance will bring the young generation to the value of life that Allah is pleased with and the noble one. This research is hoped to become the starting point of a perfect and complete human spiritual development.

Keyword: Development, Spiritual, Rabbani young generation, Prophet Muhammad (PBUH)

Abstrak

Pembangunan generasi rabbani merupakan aset penting negara. Ekoran daripada serangan pemikiran Barat, masyarakat Islam terdedah dengan pelbagai kepincangan dan kerosakan samada aspek politik, akidah, sosial mahupun akhlak. Generasi muda adalah antara sasaran utama pengaruh dan peradaban Barat. Generasi muda merupakan golongan yang cepat terdedah dengan cabaran-cabaran daripada Barat.

Penulis Utama:

Safiah Binti Abd Razak

Jabatan Dakwah

Fakulti Pengajian Islam

Kolej Universiti Islam
Pahang Sultan Ahmad
Shah

E-mel:

safiah@kuipsas.edu.my

Pemikiran dan gaya hidup Barat lama kelamaan telah menghakis nilai keimanan, kerohanian dan jati diri generasi muda Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pembangunan kerohanian generasi rabbani berdasarkan kerohanian Nabi SAW. Kajian ini berbentuk analisis sekunder atau kajian kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan kerohanian merupakan tujuan penting yang perlu dipenuhi dalam rangka membangunkan generasi rabbani. Pembentukan generasi muda rabbani akan menyediakan barisan pelapis kepimpinan yang sangat diperlukan oleh negara. Nabi SAW adalah model terbaik dalam pembangunan yang dicirikan dengan iman yang teguh, akhlak yang terpuji dan memiliki hubungan yang erat dengan Allah SWT. Menjadikan sirah Nabi SAW sebagai ikutan akan mampu membawa generasi muda kepada nilai hidup yang mulia dan direhdai. Kajian ini diharapkan akan menjadi pembuka minda dunia tentang keperluan pembangunan rohani sebagai titik tolak pembangunan insan yang lengkap dan sempurna.

Kata kunci: Pembangunan, Kerohanian, Generasi Muda Rabbani, Nabi Muhammad SAW

PENDAHULUAN

Membina dan membentuk generasi muda terbaik adalah tanggungjawab sesebuah negara. Ini kerana generasi muda adalah pelapis dan tunjang kepimpinan negara. Dalam era Pasca Modernisme masa kini, generasi muda perlu diberikan perhatian khusus kerana mereka merupakan golongan paling dominan untuk diletakkan pelbagai harapan dan hala tuju agama, bangsa dan negara(Mustari et al., 2004) Namun, usaha-usaha pembinaan generasi muda masa kini berhadapan dengan cabaran yang besar terutamanya daripada Barat. Dunia moden hari ini berhadapan dengan krisis yang bersifat kompleks dan multidimensi. Krisis-krisis ini meliputi krisis intelektual, moral dan spiritual. Beberapa pengkaji menyebutkan bahawa tahun-tahun terakhir abad ini memperkenalkan “zaman kemurungan” (Age of Malancholy). Penyakit kering rohani bukan sahaja melanda Eropah tetapi juga di Negara-negara Asia Barat yang terpengaruh dengan Barat.

Manusia moden abad ini berdepan dengan dua masalah besar iaitu kosongnya jiwa daripada nilai spiritual dan bersikap tegar dalam dimensi materialisme. Krisis ini bertambah parah dengan meluasnya penyebaran fahaman-fahaman moden seperti Liberalisme, Pluralisme, Hedonisme, Rasionalisme yang memainkan peranan besar menghakis nilai-nilai spiritual dalam diri masyarakat. (Nur Najihah & Syed Hadzrullathfi, 2017) Fenomena ini wujud adalah disebabkan Barat tidak pernah mementingkan aspek pembangunan rohani. Skala dan Indeks pembangunan hebat menurut Barat ini nampaknya tidak mementingkan aspek pembangunan rohani atau sekurang-kurangnya pembangunan dikaitkan dengan perancang, penggerak dan pelaksana pembangunan iaitu manusia. (Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan, 2014) Agenda pembangunan manusia pada masa kini hakikatnya dicabar oleh perkembangan teknologi moden masa kini. Jiwa dan fokus generasi muda sedikit demi sedikit terhakis nilai keimanan. Teknologi didakwa telah mencetuskan keadaan sosiointelektual songsang atau disebut Teknosas iaitu keadaan gilakan teknologi, kebebalan dalam memahami hakikat teknologi, kebodohan membezakan antara wahana dan matlamat, ketagihan teknologi dan kecenderungan mendewakan teknologi sebagai punca penyelesaian kepada semua masalah manusia. Teknosas wujud apabila manusia tenggelam dalam kelalaian iaitu menyembah dan mendewakan apa yang dihasilkan oleh tangannya. (Earnie Elmie, 2014) Fenomena ini menghambat usaha-usaha untuk membangunkan manusia secara seimbang.

Fauzi Hamat seterusnya menyatakan bahawa pembangunan berasaskan materialisme yang dicanangkan pihak Barat ini dilihat membawa mudarat yang lebih besar kepada kehidupan. Ia bersifat kering dan mewujudkan pelbagai krisis dan ketidaktentuan. (Hamat & Che Nordin, 2012) Malaysia misalnya walau pun diakui kejayaan dan kemajuan dalam pembangunan tetapi jenayah, bencana alam, pengangguran dan gejala sosial masih mewarnai pembangunan pesat ini.

Situasi ini diperlihatkan lagi dengan statistik masalah sosial yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah kebangsaan Malaysia (AADK) 2018 yang menyebut penagihan dadah kes baharu adalah sebanyak 17,474 pada tahun 2018 memang membimbangkan. Statistik remaja hamil luar nikah pula melibatkan seramai 7754 gadis, iaitu kira-kira 10 kes sehari sepertimana yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia 2018 juga. Masalah jenayah juvana juga mencatatkan kes yang tinggi iaitu 4833 kes pada tahun 2019, laporan Pejabat Ketua Perangkaan Malaysia. Fenomena ini sewajarnya menuntut pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan melaksanakan perancangan dan strategi yang utuh bagi menyelamatkan generasi muda Islam seterusnya melestarikan pembinaan generasi rabbani yang bakal memberi impak positif kepada kestabilan dan kesejahteraan negara akan datang.

Cabaran ini dilihat menguji kemampuan generasi Islam untuk kekal relevan dan bersaing melestarikan pembinaan generasi yang cemerlang jasmani dan rohaninya. Artikel ini bertujuan mengupas konsep pembangunan generasi muda rabbani dengan merujuk kepada pendekatan pembangunan kerohanian Nabi Muhammad SAW. Baginda merupakan peribadi unggul yang telah berupaya membina generasi rabbani pada masa lalu daripada kalangan sahabat baginda yang mulia hingga berjaya menguasai hampir dua pertiga dunia. Kupasan dan perbincangan dalam penulisan ini diharap akan membawa pedoman untuk membantu membangunkan generasi masa kini. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk membangunkan generasi muda rabbani berasaskan sirah kerohanian Nabi SAW. Kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada usaha-usaha membangunkan generasi muda rabbani yang direhái Allah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan metode kajian kualitatif yang menggunakan metodologi kajian perpustakaan atau analisis dokumen dengan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran, hadis, kitab-kitab dan artikel-artikel jurnal. Data-data ini seterusnya dianalisis secara induktif untuk melihat apakah konsep pembangunan generasi muda menurut Islam dan apakah pendekatan yang diaplikasi oleh baginda SAW dalam membangunkan aspek kerohanian sebagai asas pembangunan manusia yang hakiki.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pembangunan Manusia Menurut Barat

Konsep pembangunan manusia menurut perspektif Barat perlu dibincangkan dalam kajian ini bagi melihat perbezaannya dengan konsep pembangunan manusia menurut Islam. Gary Becker menyatakan bahawa modal insan mempunyai kaitan dengan ekonomi kerana seseorang individu mempunyai kaitan yang erat dengan pengetahuan, kemahiran, kesihatan ataupun nilai. Dengan demikian pendapatan yang tinggi, kesihatan yang baik dan tabiat yang baik akan memberi kesejahteraan dalam kehidupan seseorang. Beliau menekankan dua elemen penting sebagai pelaburan masa depan dalam modal insan iaitu pendidikan dan latihan. Selain itu, Theodore W. Schultz menjelaskan bahawa pengetahuan dan kemahiran adalah elemen modal yang terhasil dari pelaburan yang disengajakan. Beliau turut berpendapat peningkatan hasil ekonomi di negara-negara Barat adalah kesan positif dalam pelaburan modal insan. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan antara peningkatan pelaburan

modal insan dengan peningkatan pendapatan pekerja. Justeru, negara-negara maju yang melabur dalam pendidikan, kesihatan dan latihan dalam jangka panjang akan menguatkan struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam sesebuah negara. (Hamat & Che Nordin, 2012)

Menurut (Rahimin Affandi et al., 2011), Barat menganggap manusia adalah semata-mata aspek material yang mampu memberi pulangan semula kepada pembangunan negara. Pembangunan modal insan umumnya didefinisikan sebagai suatu cara untuk mengenal dan mengkategorikan kemahiran dan kebolehan individu yang digunakan dalam pengambilan pekerja demi pembangunan negara. Bagi Barat, negara-negara maju adalah negara yang melabur dalam pendidikan, kesihatan dan latihan dalam jangka panjang sehingga keadaan demikian dapat menguatkan struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat mereka manakala negara membangun dan mundur pula masih mementingkan pelaburan jangka pendek bagi memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat perlindungan dan keselamatan. Sehubungan dengan itu kita dapat negara maju seperti Jepun sejak zaman kerajaan Meiji telah berusaha keras memperkenalkan teknologi bagi mengindustrikan ekonomi. Dalam masa yang sama kerajaan dan syarikat di Jepun bekerjasama erat menyediakan latihan kemahiran untuk pekerja. Usaha-usaha berterusan dan menyeluruh itu kini menjadi salah satu faktor kemajuan negeri Jepun. (Fauzi, 2014)

Pembangunan manusia menurut falsafah Barat sekular hanya memberi keutamaan kepada fizikal manusia dan urusan keduniaan semata-mata. Justeru, bagi memenuhi konsep modal manusia yang boleh memberikan keuntungan kepada negara, negara-negara maju telah melaburkan banyak wang dalam bidang pendidikan untuk memastikan mereka dapat menghasilkan modal manusia yang diperlukan. Semakin bertambah pendidikan atau ilmu pengetahuan bagi individu, maka semakin bertambah nilai atau jumlah modal pada diri individu tersebut. Latihan kepada individu turut diberi tumpuan kerana melalui latihan seseorang dapat memiliki kemahiran dan seterusnya dapat meningkatkan kecekapan dan keterampilan. (Ruzman Mohd Noor.2012)

Meskipun tamadun Eropah Barat dilihat sebagai simbol keagungan dan model pencapaian dan ketinggian masa kini, namun matlamatnya hanyalah mewujudkan hubungan antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan alam sekitar berasaskan perhubungan berbentuk kebendaan tanpa menitikberatkan ciri-ciri moral dan spiritual. (Noor Shakirah & Muhammad Azizan, 2014) Ini adalah kerana menurut perseptif holistik Barat, sistem nilai yang mempengaruhi idea dan konsep yang dijadikan sumber ilmu seseorang tidak ada kaitannya dengan konsep ketuhanan dan metafizik. Seseorang dianggap tidak perlu mendapat petunjuk daripada Tuhan kerana perkara itu terkeluar daripada pengalaman akal dan deria manusia malahan tidak dapat dibuktikan secara empirikal. (Fauzi, 2014)

Falsafah dan ideologi Barat bukan sekadar berjaya menguasai sistem hidup masyarakat Islam malah sekularisme misalnya telah dapat mengubah struktur dan sistem politik serta pemerintahan sesebuah negara. Bermula daripada sekularisme bercambah fahaman-fahaman moden lain seperti kapitalisme, atheisme, nasionalisme, liberalisme dan sebagainya yang semuanya menyeru kepada kehidupan yang bertuhankan hawa nafsu. Wawasan Barat yang tidak mengutamakan aspek kerohanian menyebabkan tamadun yang dibangunkan akhirnya mengundang pelbagai krisis kejiwaan dalam masyarakat. (Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah, 2014)

Melihat kepada kegagalan barat dalam membangun manusia, terdapat usaha sebilangan orang Barat untuk melihat faktor atau peranan aspek kerohanian terhadap prestasi kerja. Elemen kerohanian (*spirituality*) telah mendapat tempat dan popular dalam kajian Barat antaranya seperti mengaitkan kerohanian dengan tempat kerja, keusahawanan, kepimpinan dan keagamaan. Kajian ini melihat kedudukan dan peranan kerohanian menurut perspektif Barat dalam mempertingkatkan aspek pengurusan dan juga aspek kemanusiaan seperti

kepuasan bekerja, kreativiti, produktiviti dan juga motivasi. (Mubarak et al., 2015) Walaubagaimanapun usaha ini juga tidak berjaya kerana Barat tidak menghubungkan kerohanian dengan ketuhanan yang hakiki.

Berdasarkan perbincangan di atas, pembangunan manusia menurut perspektif Barat lebih tertumpu kepada peningkatan kemahiran dan ilmu pengetahuan agar seseorang manusia itu dapat memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan ekonomi sesebuah Negara. Barat tidak mampu membincangkan peranan kerohanian kerana kerohanian hakikatnya berkait rapat dengan ketuhanan, satu aspek yang tidak diberi perhatian berat oleh pemikir dan sarjana Barat. Terbukti konsep pembangunan manusia menurut Barat jauh berbeza dengan konsep pembangunan manusia menurut Islam sebagaimana yang akan dijelaskan seterusnya.

Pembangunan Kerohanian Generasi Rabbani Menurut Islam

Pembangunan insan dalam Islam adalah berpaksikan pembangunan jasmani dan rohani yang seimbang. Rohani yang utuh mampu membentuk akhlak dan seterusnya meningkatkan keupayaan seseorang individu untuk menjalani kehidupan yang baik dan memberi manfaat kepada orang lain. (Sharifah Nooraida Wan Hasan & Sharifah Fatimah Wan Jamel, 2011) Pembangunan menurut Islam adalah bersifat multi-dimensi yang meliputi aspek fizikal, kerohanian dan moral. Penilaian pembangunan adalah berpusat kepada konsep tauhid iaitu Allah sebagai pemilik mutlak dan manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab membangunkan alam semesta berlandaskan kepada suluhan al-Quran dan as-Sunnah. (Sahida et al., 2013)

Dalam American Psychological, kerohanian atau spiritual dinyatakan sebagai perasaan yang menjurus kepada jiwa, Tuhan, agama dan sensitiviti beragama. Dalam mengungkap maksud spiritual menurut perspektif Barat. (Sa'ari & Mohd Akib, 2017) mengemukakan kesimpulan Ploutzian dan Park berkaitan Spiritual. Iaitu pertamanya, merasakan kehadiran Tuhan dan respons manusia terhadapnya. Kedua, pencarian terhadap kewujudan diri menuju kesedaran berkait nilai, makna, kehormatan diri, hidup dan puncak pertimbangan dan ketiga jalan hidup yang dihubungkan dengan keimanan dan kehidupan sehari-hari serta cara individu berinteraksi dengan suasana utama.

Kerohanian iaitu *perihal rohani, sifat-sifat rohani dan rohaniah* (Pustaka, 2010) berasal daripada perkataan roh (روح) dalam bahasa Arab yang merujuk kepada sesuatu yang dihembus oleh Allah SWT ke dalam badan manusia seperti yang disebut dalam al-Quran yang bermaksud;

“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaanku) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadaNya.” (al-Hijr 15: 28-29)

Istilah rohani dalam konteks tradisi Islam menurut Hussein Nasr terdapat dalam istilah ruhiyyah atau rohaniyyah. Jika disebut *tarbiyyah al-ruhiyyah* ianya membawa makna menanamkan rasa cinta kepada Allah di hati seseorang yang menjadikan mereka, mengharapkan redhaNya pada setiap ucapan, tingkah laku, keperibadian serta menjauhi segala yang dibenci-Nya. (Akmansyah, 2016)

Menurut perbincangan ulama tasawuf, ruh yang disebut sebagai *lataif rabbaniyyah* lebih penting daripada jasad kerana ia adalah faktor utama yang menentukan kesejahteraan seseorang individu. Kerohanian menurut al-Ghazali menyentuh persoalan dalaman dan kejiwaan yang berhubungkait dengan unsur-unsur nafsu, ruh, qalbu dan akal. Latifah inilah

yang merasai, mengetahui, mengenal, ditujukan perbicaraan kepadanya dan dikenakan siksa atasnya. (Zulkiple Abd. Ghani, 2006).

Aspek rohani manusia merupakan hakikat pembangunan insan yang sebenarnya. Aspek rohani manusia perlu dibina dan dibangunkan sebagaimana aspek jasmani manusia dibangunkan. Sekiranya aspek rohani diabaikan akan wujud pelbagai krisis dalam kehidupan manusia. Yūsuf al-Qarādāwī menyatakan bahawa orang yang hidup tanpa akidah dan iman yang teguh akan sering terbabit dalam masalah tekanan jiwa, ketegangan saraf dan kekacauan pemikiran. Beliau memetik kata-kata penyair Arab seperti mana berikut:

"Bukanlah mayat itu orang yang mati yang berehat dengan tenang. Sesungguhnya mayat itu adalah mayat orang-orang yang hidup. Sesungguhnya mayat itu adalah orang yang selalu hidup dalam kepiluan. Orang yang hidup dengan hati yang kecewa dan putus harapan." (Yusuf Qardhawi, 1996) (Majid, 2020)

Rohani atau jiwa yang baik mampu memberi kesan bukan sahaja kepada akhlak malah turut memberi kesan dalam budaya kerja seseorang. Kajian oleh (Mubarak et al., 2015) telah menunjukkan bahawa aspek kerohanian memainkan peranan penting terhadap motivasi dan pencapaian usahawan. Kerohanian yang berkait rapat dengan unsur dalaman berasaskan keimanan kepada Allah SWT telah membentuk sikap positif dan turut mempengaruhi tindakan usahawan dalam kegiatan keusahawanan dan seterusnya menjadikan mereka usahawan berjaya.

Professor Dr. Sidek Baba pula dalam artikelnya bertajuk "Sistem Beragama Elak Gejala Sosial Masyarakat" menyatakan bahawa kehidupan beragama tidak saja memberikan pedoman dan aturan tetapi memberikan manusia nilai seperti amanah, adil, bijaksana, tulus dan jujur yang sangat penting dalam kehidupan dan pengurusan sehari-hari. (Awang Drahman et al., 2017).

Integrasi kedua-dua elemen iaitu jasmani dan rohani pada hakikatnya amatlah jelas dalam kehidupan seorang Muslim kerana Islam (Qutb, 2000) merupakan sebuah agama yang syumul. Sehubungan dengan ini, Allah berfirman bahawa:

"hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, Ku cukupkan nikmat Ku kepada kamu dan Aku telah memilih untuk kamu Islam sebagai cara hidup."
(Al-An'am 5: 3)

Kalimah Rabbani pula berasal kepada kalimah "al-Rabb" yang bermaksud Tuhan. Generasi rabbani maksudnya generasi ketuhanan. Generasi Rabbani dicirikan sebagai generasi yang menyandarkan diri mereka kepada Tuhan di mana hidup mereka adalah melaksanakan matlamat yang ditetapkan oleh Allah, mencari keredhaanNya semata-mata, menjalani kehidupan atas manhaj Allah dan memperjuangkan manhaj tersebut dengan mengorbankan harta, tenaga dan jiwa. Contoh unggul bagi generasi rabbani ialah para sahabat yang dididik dan ditarbiah oleh Rasulullah SAW.

Antara ciri-ciri mereka sebagaimana yang dibentangkan Allah dalam al-Quran ialah memiliki kemantapan dari sudut ilmu tentang Islam dan kemantapan dari segi rohani dan akhlak. Kalimah rabbani digunakan oleh Sa'id Hawwa dalam risalah kecilnya "*Ihya al-Rabbaniyyah*". Beliau menggambarkan hanya generasi rabbani yang mampu diharapkan untuk mengembalikan kegembilan Islam pada zaman moden ini. (Ghazali, 2016) Sayyid Qutb tatkala mentafsir kalimah *Rabbaniyyin* daripada Surah Ali Imran ayat 79 menjelaskan bahawa *Rabbaniyyin* adalah orang-orang yang menghubungkan dirinya dengan Allah, menyerahkan segala-gala kepada Allah. jalan hidupnya adalah berteraskan tauhidik yang dilaksanakan dengan penuh keikhlasan.

Dr.Yusuf Qadhwai tatkala membicarakan generasi rabbani menyatakan bahawa surah al-Hajj ayat 77 dan 78 merumuskan ciri-ciri generasi rabbani ini sebagai mereka yang beriman, rukuk, sujud menyembah Allah melakukan kebajikan dan berjihad bersungguh-sungguh pada jalan Allah. Syeikh Ahmad Nadawi dalam kitabnya “*Rabbaniyyah la Rahbaniyyah*” menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh umat Islam bagi mendepani krisis keruntuhan akhlak adalah kembali kepada tazkiyyah al-Nabawiyyah yang telah dirintis oleh baginda SAW semasa hayat baginda. Usaha-usaha memperkasakan kerohanian seperti meniupkan ruh iman dan ihsan, memperbaharui hubungan kalbu dengan Allah, jasad dan ruh, mendekatkan masyarakat dengan akhlak akan mampu membina generasi rabbani yang diharapkan. (Ghazali, 2016)

Generasi rabbani boleh digambarkan sebagai generasi yang faham agama dan tidak tenggelam dalam arus kemewahan dan kebendaan. Generasi ini dibimbing oleh al-Quran dan dididik dengan nilai kemuliaan dan budi pekerti yang luhur yang terkandung dalam ajaran Islam. Generasi ini juga akan menguruskan perubahan yang berlaku dalam masyarakat kita berdasarkan kepada pembangunan insan dan roh Islam. Ia bertepatan dengan tujuan utama pendidikan Islam iaitu melahirkan generasi yang menampilkan keunikkan dan keperibadian muslim sejati dari segi fizikal, mental, spiritual dan akhlaknya dalam acuan pendidikan integrasi yang berdasarkan kepada tauhid dan keimanan kepada Allah S.W. (Zetty Nurzuliana Rashed et al., 2014)

Pada perkembangan terkini ekoran daripada kegagalan Barat membangun manusia hakiki telah menggamit usaha pelbagai pihak di Eropah untuk menambahbaik kaedah pembangunan manusia. Pelan pembangunan manusia seimbang telah dipelopori oleh sebahagian besar ulama Islam di Eropah bagi menjelaskan kepada dunia idea sebenar pembangunan manusia seimbang. Ulama dan pendakwah Islam termasyhur di Eropah misalnya Dr Syeikh Ahmad Dabbagh yang menetap di United Kingdom berusaha memberi kesedaran kepada masyarakat di Eropah tentang keperluan *Tazkiyyah al-Nafs* berdasarkan jalan Nabi SAW. (Foodsteps Prophet) Beliau telah menyampaikan persoalan ini di lebih 20 negara termasuk Amerika, Mexica, Denmark, Perancis, Belanda, United Kingdom, Jerman, Turki, Cyprus, United Kingdom, Turki, Bahrain, Pakistan, Bangladesh, Indonesia dan Malaysia. Syeikh Dr Ahmad Dabbagh merupakan pakar bidang pembangunan insan dan tazkiyyah. Beliau juga telah mengasaskan tujuh pusat latihan pengkaderan syahsiyyah diri dan pembangunan insan rabbani di Manchester United, Birmingham, kota London dan pelbagai lagi tempat di United Kingdom. Syarahan beliau berkoncep Foostep Prophet SAW. (Ahmad Dabbagh. 2014)

Syeikh Ahmad Dabbagh berusaha memperkenalkan masyarakat Eropah akan keperluan membangunkan aspek kerohanian berdasarkan perjalanan hidup baginda Nabi Muhammad SAW. Usaha ini adalah langkah dan strategi untuk membantu menyelesaikan kemelut keruntuhan akhlak dan kemusahanan rohani manusia akibat serangan daripada fahaman dan ideologi Barat.

Ayat-ayat Allah yang menyentuh aspek rohani manusia seperti *al-Îadr, qalb salâEm, al-fu’ad, al-lubb, al-nafs al-ammârah, al-nafs al-lawwâmah dan al-nafs al-muîmainnah* seharusnya difahami sebagai petunjuk kepada kepentingan aspek rohani dalam setiap tindakan manusia. (Faudzi Naim Badaruddin, 2010) Dalam Islam ulama Islam yang memberi tumpuan (Mohd Azaman & Badaruddin, 2016) kajian kepada aspek pembangunan rohani adalah ulama sufi. Ulama sufi mengkaji ayat-ayat Allah berkaitan jiwa, menghalusi dan menganalisa pengertiannya seterusnya menyusun kaedah dan metode bagaimana seharusnya menjaga, membaiki dan membangunkan jiwa manusia sebagai panduan masyarakat.

Imam al-Ghazali misalnya dianggap sebagai mujaddid yang telah berjaya menyusun semula kaedah pembangunan manusia berteraskan pembangunan kerohanian. (Azaman & Badaruddin, 2014) Beliau telah menganalisa segala krisis dan penyakit rohani yang melanda

masyarakat dan mencadangkan kaedah dan terapi sehingga terhasil susunan kaedah dan pendekatan yang mantap untuk rawatan dan seterusnya membangunkan aspek rohani masyarakat. Pemikiran dan kaedah pembangunan jiwa atau rohani dibukukan dalam pelbagai kitab antaranya *Ihya' Ulumiddin dan Minhaj al-Abidin*, (Mohd Azaman & Badaruddin, 2016) Al-Ghazali menjelaskan dalam banyak tulisannya antaranya *Ihya*. *Ulumiddin* dan *Minhaj al-Abidin* bahawa manusia terdiri daripada unsur jasad dan roh. Roh memainkan peranan besar dalam menggerakkan aspek zahir manusia.

Abdul Qadir al-Jilani misalnya juga seorang sufi terkemuka dalam sejarah. Beliau diakui sebagai tokoh sufi yang berjaya mendidik hati, meningkatkan keimanan masyarakat dan menyembuhkan penyakit rohani ummah. Dicatatkan bahawa beribu orang bukan Islam telah memeluk agama Islam dan beribu orang Islam telah bertaubat daripada dosa dan memperbaharui iman mereka. Murid-murid beliau dicatatkan mempunyai pengaruh yang besar dalam penyebaran Islam di kawasan-kawasan jauh seperti Afrika, Indo China, India serta daerah-daerah sepanjang lautan Hindi. Ramai ulama dan kiyai di Indonesia mempunyai hubungan pertalian kerohanian yang kuat dengan Shaykh Abdul Qadir al-Jilani. Antaranya Shaykh Hamzah Fansuri (w. 1607M), Shaykh Tolhah Tolabuddin (w. 1935M), Shaykh Abdullah Mubarak (w. 1956M), dan Syeikh Ahmad Sahib al-Wafa (w.2011M). (Ahmad, 2008)

Pendekatan dakwah golongan sufi yang memberi tumpuan kepada aspek pembangunan rohani sebagai asas awal tarbiah dan dakwah dicatatkan telah mampu membuka dan melembutkan hati tentera Moghul/Tartar yang bengis dan kejam yang berkuasa pada abad ke-7M. Apabila Tartar memeluk Islam, mereka kemudiannya menjadi pelindung dan meneruskan usaha dakwah. Ramai daripada kalangan mereka menjadi fuqaha, ahli zuhud dan mujahidin. (Ghazali, 2016)

Sebuah kajian yang dilakukan oleh (Badriyah et al., 2016) telah mengenalpasti kaedah dan pendekatan spiritual yang terbaik dalam menangani tingkah laku remaja bermasalah di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam. Terdapat empat pendekatan spiritual yang dibincangkan iaitu pertama melalui ilmu pengetahuan agama (ilmu tauhid), kedua peranan ilmu tasawuf, ketiga kaedah psikologi, terapi al-Quran, psikoterapi & psikometrik, dan keempat kaunseling Islam. Dapatkan kajian menunjukkan kaedah pendekatan spiritual atau rohani ini menjadi asas penting pemulihan dan pembangunan akhlak remaja masa kini.

Daripada huriahan dan perbincangan di atas jelas membuktikan hubungkait antara pembangunan rohani dan generasi rabbani. Kekuatan rohani sebagai asas atau teras pembangunan insan akan mampu menyumbang kepada pembentukan generasi muda rabbani yang berperanan penting dalam pembangunan ummah yang harmoni dan sejahtera.

Pembangunan Rohani Nabi Muhammad SAW: Teladan dan Sumber Inspirasi.

Nabi Muhammad SAW adalah manusia agung yang diutuskan sebagai rahmat kepada seluruh alam. Perutusan baginda adalah untuk membimbang manusia kepada kehidupan yang sejahtera. Meneladani baginda akan membawa masyarakat kepada kehidupan yang seimbang antara pembangunan jasmani dan rohani seterusnya mampu membawa kecemerlangan kepada aspek pembangunan ummah.

Nabi Muhammad SAW adalah seorang pemimpin negara dan telah berjaya meletakkan dasar-dasar politik dalam kehidupan bernegara. Baginda telah mengatur hubungan diplomatik dengan negara-negara luar pada masa itu seperti Rom dan Parsi. Islam kemudian tersebar ke hampir dua pertiga dunia malah menjadi agama terbesar hingga sekarang. (Halim, 2019) Keperibadian baginda dalam semua aspek sama ada aspek kepimpinan, hubungan keluarga, akhlak yang mulia merupakan contoh teladan terbaik kepada umat manusia seperti mana yang dinyatakan di dalam al-Quran yang bermaksud;

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”(Al-Ahzab 33:21)

Sebagai manusia yang cemerlang, al-Quran telah memuji dan mengakui ketinggian dan keagungan akhlak Nabi SAW. Firman Allah yang bermaksud; “*Sesungguhnya Engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang sangat terpuji*”. (Al-Qalam 68: 4) Sejarah menggambarkan keharuman sirah Nabi Muhammad SAW dengan akhlak yang mulia. Baginda merupakan manusia paling dihormati dalam kalangan kaumnya. Seorang yang penyabar dan pemurah. Baginda juga adalah orang yang paling benar tutur katanya, paling pemaaf dan paling dermawan, paling menunaikan janji dan paling amanah. Baginda dipercayai hingga akhirnya diberi gelaran al- Amin iaitu seorang yang dipercayai. (Ramadan, 2009)

Wahyu Allah ini adalah madrasah tarbiyyah baginda yang telah meletakkan penyucian rohani sebagai asas utama pembinaan akhlak yang mulia pada diri baginda. Al-Qur'an secara jelas menyatakan bahawa *tazkiyyah al-nafs* atau penyucian jiwa adalah satu proses sangat penting malah ia merupakan salah satu tugas utama perutusan baginda Rasulullah SAW sebagaimana termaktub dalam surah al-Baqarah ayat 151- 152.

Al-Qur'an seterusnya menjelaskan bahawa kejayaan (*al-Falah*) hidup manusia di dunia dan akhirat adalah dikaitkan dengan *tazkiyyah al-nafs* sebagaimana firman-Nya yang bermaksud;

“Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); (7) Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa; (8) Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), (9) Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran)”. (Al-Syams 91: 7-8)

Zakaria Stapa tatkala mengulas tentang ayat ini menerangkan bahawa rasional menjadikan *tazkiyyah al-nafs* sebagai piawai pengukur kejayaan (*al-Falah*) dan kerugian (*Khaybah*) dalam kehidupan manusia di dunia dan di akhirat adalah kerana *tazkiyyah al-nafs* mempunyai kaitan yang rapat dengan pemilikan akhlak mulia dan terpuji. Bertunjangkan akhlak yang baik manusia akan mampu meraih kegembiraan dan kejayaan hidup dunia dan akhirat. (Norfadilah Abdul Rahman & Zakaria Stapa, 2014)

Sehubungan dengan itu kita dapat, Rasulullah SAW sering memotivasi para sahabat agar menitikberatkan urusan pembaikan hati. Baginda juga menjelaskan bahawa baiknya seseorang bergantung kepada baiknya hati dan kesembuhannya daripada penyakit-penyakit tersembunyi. Baginda bersabda yang bermaksud;

“Ketahuilah! Bahawa di dalam tubuh manusia ada segumpal darah. Jika dia baik, maka baiklah seluruh tubuhnya. Dan jika ia rosak maka rosaklah seluruh tubuh. Segumpal darah itu adalah hati”. HR Bukhari dan Muslim

Firman Allah SWT yang bermaksud; “*Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan dirinya dan mengingati nama Tuhannya dan mendirikan solat.*” (al-A'la 87: 14-15) Nabi Muhammad SAW mendapat tarbiah dan pendidikan terbaik daripada Allah. Sebagai utusan Allah untuk memimpin seluruh manusia, Baginda SAW dibangunkan aspek zahir dan rohani secara seimbang. Dengan perkataan lain, Baginda tidak hanya dibekali

kebijaksanaan sebagaimana yang kita fahami daripada sifat wajib bagi rasul iaitu antaranya siddiq, amanah, tabligh, fatonah malah mempunyai pengetahuan berkaitan mentadbir urusan dunia, ilmu komunikasi dan dasar-dasar politik pentadbiran negara. (Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, 2012) Malahan asas utama pembentukan seorang manusia iaitu pembersihan jiwa atau pembangunan rohani turut diutamakan. Baginda sebagai rasul dan khalifah Allah berjuang di medan perang untuk menegakkan kebenaran dan bertindak sebagai ahli politik serta ketua negara pada siang harinya, manakala pada malamnya pula, baginda menjadi ‘abid yang tekun beribadah kepada Allah Taala sebagai mematuhi perintah Allah dalam surah al-Muzammil. (Badriyah et al., 2016)

Surah al-Syams memperlihatkan bagaimana jiwa dan rohani Baginda dipupuk agar lahir terbentuk akhlak mulia dan terpuji pada diri baginda. Pesanan dan peringatan Allah berkaitan unsur hawa nafsu yang menjadi punca keruntuhan manusia atau pun peradaban ummah bukan semata-mata kepada Nabi Muhammad SAW tetapi turut diperingatkan kepada para rasul sebelumnya sebagai membuktikan penyucian rohani merupakan misi semua para rasul termasuk misi Nabi SAW. Misalnya kepada Nabi Musa AS sebagaimana Allah menjelaskan dalam surah Taha ayat 9- 15.

Aspek pembangunan kerohanian Baginda SAW dapat dilihat penekanannya berdasarkan peristiwa Isra’ dan Mikraj. Peristiwa ini merupakan jemputan Allah kepada junjungan kita Nabi Muhammad SAW. Allah menjemput baginda dan membawa baginda untuk meyaksikan kekuasaan Allah yang Maha Agung. Firman Allah yang bermaksud;

“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Al-Isra’ 17: 1)

Rasulullah diperlihatkan pelbagai peristiwa ajaib pada malam israk adalah untuk meyakinkan secara ainul yaqin sesuatu yang telah menjadi keyakinan baginda. Peristiwa ini memperlihatkan bagaimana aspek kerohanian Nabi dibangunkan kerana baginda adalah utusan Allah dan pendakwah. Keyakinan akan mencetuskan usaha dan mujahadah yang bersungguh-sungguh untuk mencapai apa yang diyakininya. Keyakinan juga akan mencetuskan kesabaran menghadapi segala ujian dan cabaran.

Sebelum memenuhi jemputan Allah, Baginda telah dibelah dadanya dan dimasukkan iman. Hatinya dibasuh dengan air zamzam. Peristiwa ini membuktikan bahawa persoalan hati bukanlah suatu hal yang kecil yang boleh dipandang remeh. Pembersihan hati yang dilakukan ke atas baginda SAW itu membuktikan bahawa untuk mencapai satu-satu kejayaan dalam hidup hendaklah bermula dengan hati yang suci dan bersih. Rasulullah SAW tidak dibawa mengadap Allah di Sidratul Muntaha melainkan setelah disucikan hatinya. (Nasir Mohd Yusuf, 2014)

Baginda SAW sentiasa melaksanakan amalan-amalan yang boleh memperkasa iman dan rohani baginda misalnya amalan khalwah atau tahannuth. Baginda membanyakkan zikir kepada Allah, menunaikan qiamullalil, membaca dan tadabbur al-Quran. (Redzwan bin Yasin 2014), Rasulullah s.a.w telah bertahannuth di Gua Hira’. Baginda telah menjalani Tahannuth pada setiap tahun sepanjang bulan Ramadhan. Di sinilah Nabi Muhammad s.aw menjalani hidup kerohanian yang tulin dan bersih daripada lingkungan hidup kebendaan yang tidak dikeruhkan oleh keseronokan dan kesibukan dunia.. (Nasir Mohd Yusuf.2014) Baginda begitu tekun beribadah dan solat tahajjud sehingga kemudiannya ditegur oleh Allah melalui firman-Nya yang bermaksud;

“Taha, tidak Kami turunkan ke atasmu kitab al-Qur`an itu untuk menyusahkan engkau.” (Taha 20: 1-2)

Diriwayatkan bahawa Ummul Mukminin Saidatina Aisyah RA telah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW solat Tahajjud sehingga pecah-pecah kakinya. Aku katakan kepadanya: “*Mengapa sampai demikian wahai Rasulullah SAW sedangkan Allah telah mengampuni dosamu yang telah lalu dan juga yang akan datang?*” Maka jawab Baginda: “*Apakah tidak boleh aku menjadi hamba-Nya yang bersyukur.*” Dari Abu Hurairah RA katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “*Demi sesungguhnya aku meminta ampun kepada Allah dan aku bertaubat kepada Nya lebih 70 kali sehari.*”

Dalam Surah al-Kahfi, Nabi Muhammad SAW diperintahkan sentiasa tekun dengan ahli ibadah, jangan terpedaya dengan dunia dan jangan mengikuti jalan orang yang mempertuhankan hawa nafsu. Firman Allah SWT yang bermaksud;

“Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata, dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia, dan janganlah engkau mematuhi orang yang kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya dan tingkah lakunya pula adalah melampaui kebenaran.” (al-Kahf 18: 28)

Huraian di atas menunjukkan bahawa aspek kerohanian baginda SAW dibangunkan berdasarkan tarbiah dan didikan Allah SWT kepada baginda. Ini kerana tanpa pembangunan rohani yang sempurna tidak akan terbina pembangunan manusia sempurna dan seimbang yang dapat membangunkan tamadun dan peradaban manusia di dunia.

KESIMPULAN

Membina generasi muda rabbani hakikatnya menuntut pemahaman yang jelas tentang keseimbangan pembangunan manusia dari segi jasmani dan rohani. Pembangunan rohani adalah teras kepada pembinaan manusia cemerlang. Sebagai utusan Allah yang berperanan untuk membimbing kepada kehidupan yang selamat di dunia dan di akhirat, baginda adalah contoh teladan bagi semua aspek ajaran Islam termasuk berkaitan aspek kerohanian. Usaha baginda memydempurnakan pembangunan rohaninya berdasarkan bimbingan Allah Taala sehingga muncul sebagai manusia yang agung dari aspek akhlaknya merupakan cahaya dan rahmat kepada umat Islam. Ia sekaligus membuktikan bahawa Islam tidak hanya mementingkan pembangunan jasmani semata-mata malah turut memberi perhatian kepada pembangunan rohani. Daripada sirah Nabi SAW kita memahami bahawa antara perkara yang menyuburkan dan memperkasa jiwa atau rohani ialah memperbanyak membaca dan tadabbur al-Quran, hidup bersama Rasulullah melalui sirahnya, sentiasa bergaul dengan orang soleh, sentiasa berzikir, selalu menangis kerana takut kepada Allah dan melakukan amalan-amalan sunat. Justeru, pihak pemimpin dan cendikiawan Islam hendaklah menekankan pengisian rohani sejak peringkat rendah lagi agar rohani generasi muda terus berkembang utuh, cinta akan kebaikan dan kebenaran seterusnya bermotivasi untuk membela Islam demi kesejahteraan ummah pada masa akan datang. Apa yang penting berdasarkan tarbiah rohani sebagaimana yang dilaksanakan oleh Baginda SAW, generasi masa kini memiliki kekuatan untuk menolak segala serangan-serangan ideologi Barat yang merosakkan akidah, iman dan akhlak.

RUJUKAN

- Ahmad, M. M. (2008) *Penjanaan Tariqat Tasawuf Dalam Pembangunan Rohani Negara*, Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Ahmad Nasir Mohd Yusof(2014), *Di Sebalik Israk Mikraj*. Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Akmansyah, M. (2016). Tujuan Pendidikan Rohani Dalam Perspektif Pendidikan Sufistik. *Ijtima'iyya*. <https://doi.org/10.24042/ijpmi.v9i1.851>
- Ahmad Dabbagh.(2014). *Jalan Menuju Redha Allah*. Selangor : Reka Cipta Sdn Bhd.
- Awang Drahman, A. N., Abdin Lubis, M. A., Hamzah, M. I., Awang Nazarudin Awang Drahman, Maimun Aqsha, A. L., & Mohd. Isa, H. (2017). Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. *Simposium Pendidikan DiPeribadikan Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*.
- Azaman, F. N. M., & Badaruddin, F. (2014). Nilai-nilai Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*.
- Badriyah, N., Ali, B., Farhah, U., Usman, B., Ahmad Firdaus Mohd. Noor, Kamarul Azmi Jasmi, K. A. S., Man, N. D., Puji, T. I. Z. T., Mohamad, S., Nachiappan, S., Sinnasamy, B., Suffian, S., Dan, K., Kendiri, K., Elmi, T., Tengku, A., Ph, M., Adha, N., Abdul, B., Suhaimi Abd Rahman, ... Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2016). Pendekatan Spiritual Dalam Menangani Tingkah Laku Remaja Bermasalah : Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Al-Turath*.
- Earnie Elmie, H. (2014). Peranan Teknologi dalam Berdakwah di Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*.
- Fauzi, N. (2014). Pemurnian Sistem Pendidikan Islam Berdasarkan Metode Risalah An-Nur: Analisis Kajian di Negara Malaysia. *ESENSIA: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*. <https://doi.org/10.14421/esensia.v15i2.777>
- Ghazali, M. R. (2016). *Pemikiran Tasawuf dan Kehidupan Kerohanian Menurut Abu Hassan Ali al-Nadwi (1914-1999): Satu Analisis*. Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences.
- Halim, M. N. (2019). Paradigma Tauhid Dalam Kehidupan Islam. *Journal of Humanities, Language, Cultural and Business (HLCB)*
- Hamat, M. F., & Che Nordin, M. K. N. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*. <https://doi.org/10.22452/jat.vol7no1.5>
- Harun, M. F. (2015) Tasawuf dan Tarekat; Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia. Kedah: universiti Utara Malaysia.
- Ismail, S. H. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah. *Journal of Human Capital Development*.
- Kamus Dewan Edisi 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, D. M. (2020). *Pemikiran Tasawuf Dr Yusuf al-Qaradhawi*. Selangor: PTS Publishing House
- Mohd Azaman, F. N., & Badaruddin, F. (2016). Nilai-Nilai Kerohanian Dalam Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies (EISSN: 2289-8204)*, 3(1). <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n1.54>
- Mubarak, M. Z., Rahman, A. H. A., & Yaacob, M. R. (2015). Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam; Kajian Terhadap Usahawan Berjaya di Negeri Kelantan (Spiritual Elements In Islamic Entrepreneurship: A Research Towards Successful Entrepreneur In Kelantan). *Journal of Business and Social Development*.
- Mustari, M. I., Mohamed, A. K., Jasmi, K. A., & Ya'akob, R. (2004). Pembentukan Nilai dan Kecemerlangan Bagi Melahirkan Generasi Muda yang Mapan dalam Menghadapi Era

- Pasca Modernisme. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme, 2004.*
- Noor Shakirah, M. A., & Muhammad Azizan, S. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development.*
- Noor Shakirah Mat Akhir, & Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development.*
- Norfadilah binti Abdul Rahman dan Zakaria Stapa. (2014). Pembangunan kerohanian berdasarkan al-muhasibi dalam menangani gejala sosialmasa kini. *E-Proceeding of the International Conference on Woeld Conference of Integration Knowledge (WCIK 2014).*
- Nur Najihah, I., & Syed Hadzrullathfi, S. O. (2017). Kerohanian Islam : Penghayatan dari sudut amalannya. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization.*
- Qutb, S. (2000) Al-Manhaj al-Harakiy Fi Zilal al-Quran. Amman: Dar 'Ammar.
- Rahimin Affandi, A. R., Ruzman, M. N., Mohd Kamil, A. M., Mohd Anuar, R., & Nor Hayati, M. D. (2011). Peranan Ilmu Dan Teknologi Semasa Dalam Pengembangan Pengajian Islam: Satu Analisis. *Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT 2011).*
- Ramadan, T. (2009). *In The Footsteps of The Prophet: Lesson from the Life of Muhammad.* Oxford University Press.
- Redzwan bin Yasin, Sayuti Abdul Ghani, Burhanuddin Jalil(2014), Aplikasi Kualiti Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Pembentukan Jati Diri Pendakwah Masa Kini. *QURANICA, International Journal of Quranic Research , Vol. 6*
- Sa'ari, C. Z., & Mohd Akib, M. M. (2017). Beberapa Persoalan Berkaitan Konsep Insan Menurut Fakhr al-Din al-Razi. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam.* <https://doi.org/10.22452/afkar.sp2017no1.3>
- Sahida, N., Pusat, M., Ekonomi, P., Ekonomi, F., Pengurusan, D., & Pusat, S. A. (2013). Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan (Development from Islamic Perspective: An Interim Analysis). *Johor Bahru.*
- Sharifah Nooraida Wan Hasan & Sharifah Fatimah Wan Jamel. (2011). Tinjauan Keperluan Aktiviti Kerohanian Dalam Kalangan Guru Pelatih Muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang.*
- Tajulashikin Jumahat, & Nor Faizah Abdullah. (2014). Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula. *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICasic 2.*
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, A. F. S. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran dan Sunnah serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition.*
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ab. Halim Tamuri, Zetty Nurzuliana, R., Ab. Halim, T., Zetty Nurzuliana Rashed, & Ab. Halim Tamuri. (2014). Melahirkan Generasi Al-Quran Melalui Kurikulum Pendidikan Integrasi Dan Holistik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *E – Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi.*
- Zulkiple Abd. Ghani, N. S. binti A. M. (2006). Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar : Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali. *National Student Development Conference (NASDEC).*